



Islam Dijunjung Adat dan Warisan Dikandung

Abdul Latiff Abu Bakar

Dalam usaha menjayakan gagasan “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia” di bawah kepimpinan Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Mohd Ali, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) turut memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat yang murni ini. Atas pandangan dan nasihat Datuk Wira Abdul Halim Tawil, Mufti Negeri Melaka, barisan kepimpinan dan Ahli Lembaga Pengarah MAIM telah melibatkan tokoh dan ahli akademik yang berpengalaman dalam bidang pendidikan, kepimpinan dan kemasyarakatan.



ABDUL HALIM



MAIM yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mewujudkan beberapa pengerusi jawatankuasa kecil bagi memantau dan membantu merencanakan peranan MAIM dengan lebih berkesan seperti Jawatankuasa Pendidikan dan Harta Wakaf yang dipengerusikan oleh Profesor Datuk Dr. Mizan Hitam dan Jawatankuasa Modal Insan dan Pembangunan Masyarakat yang dipengusikan oleh Tan Sri Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar. Yang Berhormat Datuk Haji Md. Rawi Mahmud selaku Timbalan Pengarah MAIM pula mempengerusikan Jawatankuasa Masjid dan diikuti oleh beberapa jawatankuasa kecil yang lain.

Syukur kehadiran Allah SWT, negeri Melaka mempunyai seorang mufti yang berjiwa rakyat bagi meneruskan usaha murni memartabatkan syiar Islam di Rumpun dan Tanah Melayu, khususnya di bumi Melaka. Usaha ini dilaksanakan bagi memartabatkan warisan seni, budaya dan warisan Melayu yang beraras tinggi, sekali gus memartabatkan peradaban Melayu dan Islam di tanah air tercinta.

Sebagai seorang muallim di tanah air Malaysia, dan berasal dari Melaka, beliau tetap sebagai mufti yang berpaksi dan berteraskan gagasan *hablun min Allah* berdasarkan akidah, syariat dan akhlak, dan *hablun min al-nas* berdasarkan

kepentingan dan kebajikan masyarakat, serta menjaga alam sekitar.

Datuk Wira merupakan seorang mufti yang mempunyai pengalaman yang luas dan sentiasa berdamping dan memahami kehendak rakyat bagi melahirkan masyarakat Melaka yang berbudaya dan berperadaban. “Bersatu teguh bercerai roboh”, itulah falsafah perjuangan beliau untuk membina negara bangsa Malaysia yang kukuh dan bersatu padu.

Datu Wira seorang anak Melaka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama Islam yang luas dan mendapat didikan tertinggi di Akademi Islam, Universiti Malaya. Semasa menjadi mahasiswa, beliau sangat aktif dan bergiat dalam persatuan mahasiswa. Sebagai pegawai dalam pelbagai bidang dalam Jabatan Agama Islam Melaka, beliau sentiasa berdamping dan mesra dengan rakyat negeri Melaka, serta sangat menghormati seni, budaya dan warisan negeri Melaka. Beliau juga sentiasa bekerjasama dengan Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA – sekarang ditukar kepada INSWA) bagi memartabatkan warisan Melaka berteraskan “Islam Dijunjung, Adat dan Warisan Dikandung”. Beliau sering dirujuk bagi memartabatkan warisan seni budaya warisan Melayu dalam segala bidang.



Datuk Wira sentiasa bekerjasama bagi memartabatkan seni budaya negeri Melaka berteraskan syariat Islam, seperti nazam, dondang sayang, pantun, bahasa Melayu serta tulisan Jawi, dan sebagainya.






Ahli Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Sebagai mufti, Datuk Wira menjadi penasihat utama kepada Kerajaan Negeri Melaka yang dihormati. Beliau mempunyai perancangan untuk memantapkan gagasan dalam perjuangan "Melakaku, Maju Jaya" bagi mendapat sokongan dan melibatkan para ilmuwan yang berpengalaman dalam usaha memantapkan perjuangan MAIM dan Jabatan Agama Islam Melaka dalam arus pembangunan Melaka yang seimbang antara ekonomi dengan seni budaya dan warisan. Cadangan beliau sangat dihormati dan diguna pakai bagi memantapkan pembangunan insan dan masyarakat dengan mewujudkan pelbagai pengerusi jawatankuasa bagi memantau pembangunan negeri Melaka demi kesejahteraan dan kepentingan umat Islam dan rakyat negeri Melaka.

Hal ini selaras dengan *Surah al-Hujurat* bahawa Allah menjadikan manusia daripada pelbagai bangsa dan suku bangsa, maka kita hendaklah saling menghormati dan berkenalan antara satu dengan yang lain. Oleh itu, umat Islam hendaklah bersatu

padu untuk membawa masyarakat Islam yang maju jaya. Berdasarkan hakikat ini, umat Islam hendaklah bersatu berjuang demi kepentingan umat Islam dan menghormati hak orang bukan Islam.

Datuk Wira sangat menghormati seni, budaya dan warisan Melaka terutama bagi memartabatkan institusi adat dan warisan seni budaya Melaka, terutama Institusi Sidang sebagai Ketua Adat di kampung sebagai pegawai adat bersama imam dan pegawai masjid sebagai pegawai syarak. Di samping itu, beliau sentiasa bekerjasama bagi memartabatkan seni budaya negeri Melaka berteraskan syariat Islam, seperti nazam, dondang sayang, pantun, bahasa Melayu serta tulisan Jawi, dan sebagainya. Untuk tujuan ini, beliau turut memberikan panduan untuk memartabatkan warisan negeri Melaka mengikut syariat Islam. Syabas dan sekalung tahniah kepada Datuk Wira yang berpandangan jauh yang mempunyai kekuatan jati diri dan semangat patriotisme, serta cinta akan tanah air di bumi rumpun Melayu. 



Penulis bersama-sama Profesor Datuk Dr. Mizan Hitam.